

# LEVOCETIRIZINE TABLET

Risalah Maklumat Ubat untuk Pengguna (RiMUP)

Levocetirizine Dihydrochloride (5mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan *LEVOCETIRIZINE*
2. Bagaimana *LEVOCETIRIZINE* berfungsi
3. Sebelum menggunakan *LEVOCETIRIZINE*
4. Cara menggunakan *LEVOCETIRIZINE*
5. Semasa menggunakan *LEVOCETIRIZINE*
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan *LEVOCETIRIZINE*
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan *LEVOCETIRIZINE*

*LEVOCETIRIZINE* merupakan ubat anti-alergi. Ia digunakan untuk merawat simptom yang berkaitan dengan alergi seperti:  
Alergi rinitis (radang lapisan membran dalam hidung).

Ruam netel idiopatik yang kronik (ruam merah dan gatal yang timbul tanpa sebab yang diketahui)

## Bagaimana *LEVOCETIRIZINE* berfungsi

*LEVOCETIRIZINE* membantu melegakan gejala alahan. Ia bertindak dengan menghalang sejenis bahan semulajadi (histamina) yang dihasilkan oleh badan anda semasa reaksi alahan.

## Sebelum menggunakan *LEVOCETIRIZINE*

### - Bila tidak boleh menggunakan

Jangan mengambil *LEVOCETRIZINE* jika:

- Anda alergi (hipersensitif) kepada *LEVOCETIRIZINE* atau mana-mana bahan-bahan lain yang terkandung dalam *LEVOCETIRIZINE*

- Anda mengalami masalah buah pinggang yang teruk.

- Anda telah diberitahu oleh doktor bahawa anda mempunyai intoleransi terhadap sesetengah jenis gula.

### - Sebelum mula mengguna

Bincang dengan doktor atau ahli farmasi sebelum anda mengambil *LEVOCETRIZINE*:

- Jika anda mempunyai masalah buah pinggang. Anda mungkin memerlukan dos yang lebih rendah dan harus membincangkan tentang keadaan anda dengan doktor anda.

## Mengandung dan menyusukan bayi

Tidak ada maklumat bahawa penggunaan *LEVOCETIRIZINE* adalah selamat semasa mengandung atau menyusukan bayi. Jika mengandung atau menyusukan anak, hanya perlu menggunakan *LEVOCETIRIZINE* jika ada manfaat yang jelas berbanding dengan risiko yang dijangkakan. Doktor anda akan membuat keputusan ini untuk anda.

### - Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan. Ubat-ubat lain mungkin terjejas oleh *LEVOCETRIZINE* atau mungkin boleh menjasaskan bagaimana *LEVOCETRIZINE* berfungsi.

## Cara menggunakan *LEVOCETIRIZINE*

### - Berapa banyak harus digunakan

Sentiasa menggunakan *LEVOCETIRIZINE* tepat seperti yang doctor menasihati anda. Sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

Dewasa dan remaja 12 tahun dan ke atas

Dos harian *LEVOCETRIZINE* yang disyorkan adalah 5 mg sehari.

Kanak-kanak dalam lingkungan umur 6 hingga 12 tahun ke atas

Dos harian yang disyorkan bagi *LEVOCETRIZINE* adalah 5 mg sehari.

Warga Tua

Pelarasan dos disyorkan untuk warga tua dengan masalah buah pinggang.

*LEVOCETRIZINE* tidak digalakkan digunakan dalam kalangan kanak-kanak kurang daripada 6 tahun disebabkan pil salutan filem yang sedia ada tidak membenarkan pil dibahagikan..

### Bila perlu digunakan

Gunakan tablet seperti diarahkan oleh doktor dan ahli farmasi anda. Tablet bersalut filem harus diambil secara oral, ditelan sepenuhnya dengan atau tanpa makanan. Anda disarankan untuk mengambil dos harian dalam satu pengambilan tunggal.

### - Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan *LEVOCETIRIZINE* untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

### - Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

**- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)**

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Pengambilan ubat ini secara berlebihan mungkin menyebabkan kesan mengantuk pada orang dewasa dan bermulanya rasa agitasi dan gelisah diikuti dengan mengantuk pada kanak-kanak.

**Semasa menggunakan LEVOCETIRIZINE**

**- Perkara yang perlu dilakukan**

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.

Ubat diambil secara oral.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan LEVOCETIRIZINE

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa menggunakan ubat ini.

**- Perkara yang tidak boleh dilakukan**

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.

Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan memberi LEVOCETIRIZINE kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama dengan anda.

**- Perkara yang perlu diberi perhatian**

Anda perlu berwaspada jika mengambil LEVOCETIRIZINE bersama dengan alkohol. Dalam kalangan individu yang sensitif, ianya berkemungkinan akan tingkatkan lagi kesan pengurangan kewaspadaan dan penurunan prestasi

**Memandu, mengendalikan mesin dan jentera**  
Jangan melebihi dos yang disyorkan dan anda perlu mengambil kira bagaimana ubat ini akan memberi kesan kepada anda jika anda bercadang untuk memandu, melibatkan diri dalam aktiviti yang berbahaya atau mengendalikan jentera."

**Kesan-sesan sampingan**

Seperti ubat-ubatan lain, LEVOCETIRIZINE boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya. Kesan sampingan yang diperhatikan berkaitan dengan penggunaan LEVOCETIRIZINE disenaraikan di bawah.

Biasa:

- Rasa mengantuk
- Sakit kepala
- Mulut yang kering
- Berasa penat

Kurang biasa:

- Berasa lemah

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web [npra.moh.gov.my](http://npra.moh.gov.my) (*Public → Reporting Medicinal Problem/Side Effect/ AEFI/ Vaccine safety*).

**Cara penyimpanan dan pelupusan LEVOCETIRIZINE**

**- Penyimpanan**

Jauhi semua ubat daripada kanak-kanak.

Simpan di tempat yang kering di bawah suhu 25°C. Jauhi daripada cahaya.

**- Pelupusan**

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

**Maklumat lanjut**

**- Rupa dan warna produk**

Tablet dwicembung kuning bersalut filem yang kosong pada kedua-dua belah.

**- Bahan-bahan kandungan**

- Bahan aktif  
Levocetirizine Dihydrochloride.

**- Bahan-bahan tidak aktif**

Lactose, microcrystalline cellulose, isopropyl alcohol, croscarmellose sodium, magnesium stearate, hydroxypropyl methylcellulose, colloidal silicon dioxide, Polyvinyl Pyrrolidone (Povidone K-30), Titanium Dioxide, Polyethylene Glycol 400, Talc Quinoline yellow, Methylene Chloride.

**- Nombor MAL**

MAL10100016AZ

**Pengilang**

FDC Limited,  
Phase III-A, Plot No. L-121/B, Salcette,  
Verna Industrial Estate 403722 Goa  
India

**Pemegang Pendaftaran Produk**

Unimed Sdn Bhd  
No. 53, Jalan Tembaga SD5/2B  
Bandar Sri Damansara  
52200 Kuala Lumpur

**Tarikh kemaskini RiMUP**

11/10/2017

**Nombor siri:**

NPRA(R4/1)231017/00276